

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Mahathir tangkis kritik terhadap projek motokar

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas pengkritik-pengkritik yang mengesam projek motokar kebangsaan dan Dasar Pandangan ke Timur kerajaan.

"Orang-orang ini sedikit pun tidak tahu apa yang mereka cakapkan," kata Perdana Menteri kepada para pemberita selepas melancarkan perkhidmatan pegawai penyelaras kawasan Wilayah Persekutuan di Taman Ibu Kota di sini.

Seorang pensyarah universiti baru-baru ini menggesa kerajaan supaya menyemak semula projek motokar Malaysia itu dengan mengatakan bahawa rancangan itu tidak menguntungkan ataupun perlu dalam hubungan pembangunan perusahaan negara sekarang.

Katanya, kecuali Malaysia dapat menyaingi tempo pembangunan teknologi yang pesat dan perusahaan motokar yang begitu berlumba-lumba, motokar buatan Malaysia akan menjadi model yang ketinggalan zaman menjelang akhir dekad ini.

Mengulas kenyataan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata; "Inilah caranya orang menjadikan sesuatu itu.... apa yang mereka katakan semata-mata akademik berdasarkan teori yang dipelajari di universiti-universiti.

Perdana Menteri juga kecewa terhadap segolongan orang yang menentang Dasar Pandang ke Timur.

"Yang anehnya orang-orang ini tidak pula hidup pada zaman pendudukan Jepun.... saya telah melalui segala bentuk penjajahan, sama ada British, Jepun, dan juga Thai dan saya tahu apa yang saya katakan," tambahnya.

Tentang pembekalan gas cecair asli (LNG) Malaysia ke Jepun, Datuk Seri Dr Mahathir enggan menyatakan nilainya.

"Tidak ada negara yang menjual LNG pernah menyatakan harganya.... bergantunglah kepada negara-negara yang mengeksportnya," tambahnya. — Bernama.